


Subsidi petrol bersasar masuk ke akaun penerima

PROGRAM subsidi petrol bersasar akan dibayar secara tunai terus ke dalam akaun bank penerima yang layak, bukan menggunakan kad subsidi seperti diperkatakan sebelum ini.

» LAPORAN DI MUKA 11



Subsidi petrol dibayar ke akaun bank

KUALA LUMPUR – Program subsidi petrol bersasar akan dibayar secara tunai terus ke dalam akaun bank penerima yang layak, bukan menggunakan kad subsidi seperti yang diperkatakan sebelum ini.

Menurut sumber, kira-kira dua juta individu yang berada dalam senarai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan memiliki kenderaan berdaftar layak menerima subsidi tersebut.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dijangka mengumumkan butiran penuh mengenai subsidi tersebut pada Isnin ini.

“KPDNHEP juga telah selesai membuat kajian dan libat urus dengan pemegang taruh, syarikat pembekal petrol, syarikat kewangan serta pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan kepenggunaan,” katanya.

Program subsidi petrol bersasar yang sepatutnya diumumkan pada suku kedua tahun ini mengambil masa berikutan terdapat beberapa isu.

Saifuddin dilaporkan berkata, beliau mengakui keputusan itu



PENERIMA BSH dijangka menerima subsidi petrol bersasar yang akan dikreditkan ke dalam akaun bank masing-masing selepas dilaksanakan kelak. – Gambar hiasan

lambat dua bulan daripada tarikh yang sepatutnya berikutan kajian dan penglibatan yang perlu dibuat membabitkan pelbagai pihak.

Belanjawan 2019 yang dibentangkan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada November tahun lalu menyatakan pemilik kereta berkapasiti enjin 1,500cc dan motosikal berkapasiti enjin 125cc

akan menikmati subsidi petrol RON95 sebanyak 30 sen seliter.

Menerusi mekanisme subsidi itu, pemilik kereta akan menerima subsidi petrol RON95 terhad kepada 100 liter bagi pemilik kereta dan 40 liter bagi motosikal.

Guan Eng dilaporkan berkata, mekanisme baharu itu bermula pada suku kedua tahun 2019.